

# PM adakan lawatan rasmi ke Kemboja

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan rasmi selama sehari ke Kemboja hari ini, untuk memperkukuh kerjasama sejak 1957.

Itu lawatan rasmi luar negara ketujuh bagi Anwar sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada 24 November tahun lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, berkata, lawa-

tan itu atas undangan Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen.

Katanya, lawatan rasmi itu merangkumi sesi menghadap Raja Kemboja, Raja Norodom Sihamoni, di Istana Diraja Kemboja dengan Anwar akan dirai dalam sambutan rasmi di Peace Palace dan sejurus selepas itu, mengadakan pertemuan dengan Hun Sen.

Zambry berkata, pada lawatan

itu, Perdana Menteri akan menyaksikan pemeteraian dua memorandum persefahaman di antara kerajaan Malaysia dan Kemboja mengenai Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja Kemboja Bagi Sektor Domestik serta Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja Kemboja Bagi Sektor Formal.

BERNAMA